

1. Apakah bentuk muka bumi yang terbentuk akibat pencapahan plat lautan?
- A Arka pulau
  - B Gunung lipat
  - C Terumbu karang pinggir
  - D Permatang tengah lautan

2. Rajah 1 menunjukkan proses pergerakan plat.



Rajah 1

Apakah fenomena alam yang terjadi kesan daripada pergerakan plat tersebut?

- A Taufan
  - B Tsunami
  - C Air pasang
  - D Tanah runtuh
3. Apakah ciri-ciri yang berkaitan dengan lava bes?
- I Mengalir laju
  - II Lambat membeku
  - III Mengandungi silika
  - IV Takat lebur yang tinggi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
4. Bagaimanakah cara pembentukan batuan enapan?
- A Terbentuk daripada proses tekanan dan suhu yang tinggi
  - B Terbentuk daripada proses mampatan dan pepadatan batuan
  - C Terbentuk daripada proses penyejukan dan pemejalan magma
  - D Terbentuk daripada pepadatan dan penyimenan batuan

- 5 Foto 1 menunjukkan sejenis berlian.




Foto 1

Apakah proses yang mengubah batuan asal kepada berlian seperti dalam Foto 1?

- A Tekanan dan suhu
  - B Pemadatan dan penyimenan
  - C Pemendapan dan pembekuan
  - D Penyejukan dan pembekuan magma
- 6 Apakah pandang darat yang terhasil akibat proses luluh hawa kimia?
- I Pandang darat karst
  - II Pembentukan tors dan bornhard
  - III Gurun batu dan gurun pasir
  - IV Pembentukan kaolin
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 7 Apakah proses yang dapat dikaitkan dengan luluh hawa biologi?
- A Proses transpirasi
  - B Perubahan suhu
  - C Kejadian pasang surut
  - D Proses tindakan ibun
- 8 Maklumat berikut berkaitan proses gerakan jisim.


- Pergerakan cepat
- Berlaku di cerun curam

Apakah proses gerakan jisim tersebut?

- A Aliran lumpur
- B Kesotan tanah
- C Gelangsar tanah
- D Gelongsoran tanah

- 9 Bagaimanakah sebuah delta terbentuk?
- I Tiada tasik di sepanjang aliran sungai
  - II Arus mesti bersudut tepat dengan pantai
  - III Hakisan giat di peringkat hulu sungai
  - IV Halaju sungai perlahan di kawasan muara
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 10 Apakah aktiviti manusia yang boleh menyebabkan kemerosotan kualiti air sungai di bandar-bandar besar?
- A Pertanian  
B Pelancongan  
C Perindustrian  
D Perlombongan
- 11 Apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menjamin bekalan sumber air bersih yang berterusan di Malaysia?
- I Menanam pokok bakau
  - II Membina sistem peparitan
  - III Merawat sumber air sungai
  - IV Kempen kesedaran alam sekitar
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 12 Mengapakah hakisan ombak boleh berlaku?
- A Pembinaan tukun tiruan  
B Perikanan pinggir pantai  
C Penebangan pokok bakau  
D Pembinaan jalan raya susur pantai
- 13 Apakah usaha yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kesan tindakan ombak di kawasan pinggir laut?
- I Memasang perangkap sampah
  - II Menanam rumput di pinggir laut
  - III Penguatkuasaan undang-undang
  - IV Membina benteng dan dinding konkrit
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 14 Kawasan manakah mempunyai penduduk yang jarang?
- Dataran Tinggi Korat, Thailand
  - Lembangan Nil, Mesir
  - Amazon, Amerika Selatan
  - Mount Popa, Myanmar
- 15 Apakah faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran tinggi di sesebuah negara?
- Berkahwin lewat
  - Taraf hidup tinggi
  - Wanita berkejaya
  - Taraf pendidikan rendah
- 16 Rajah 2 menunjukkan piramid penduduk Negara X.



Rajah 2

- Apakah masalah yang mungkin dihadapi oleh kerajaan di negara X?
- Kos pengurusan warga tua meningkat
  - Kekurangan peluang pekerjaan
  - Kadar pengangguran tinggi
  - Taraf kesihatan rendah

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan migrasi dalaman.

Penduduk Kampung Kubang Kuar, Kedah berpindah ke Felda Jengka 11, Pahang.

- Apakah jenis migrasi yang berlaku di kawasan tersebut?
- Bandar ke bandar
  - Bandar ke luar bandar
  - Luar bandar ke bandar
  - Luar bandar ke luar bandar

- 18 Mengapakah berlakunya migrasi antarabangsa ke Malaysia?
- A Pembukaan bandar baru
  - B Banyak peluang pekerjaan
  - C Kemudahan infrastruktur tersedia
  - D Jaringan pengangkutan yang cekap

- 19 Peta 1 menunjukkan arah aliran migrasi antarabangsa.



Peta 1

Apakah kesan migrasi dalam peta 1 terhadap negara yang dituju?

- I Pasaran tempatan luas
  - II Masalah sosial meningkat
  - III Peluang pekerjaan bertambah
  - IV Politik yang lebih stabil
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


- 20 Berikut adalah bandar-bandar di Malaysia.

- Kuala Kangsar, Perak
- Pekan, Pahang

Apakah fungsi bandar-bandar tersebut?

- A Bandar perlombongan
- B Bandar pertahanan
- C Bandar sempadan
- D Bandar diraja

21 Rajah 3 menunjukkan hierarki petempatan.



Rajah 3

Mengapakah berlakunya perubahan dalam hierarki petempatan seperti dalam Rajah 3?

- A Populasi penduduk bertambah
  - B Kualiti petempatan meningkat
  - C Jarak antara petempatan
  - D Perubahan guna tanah
- 22 Apakah kesan urbanisasi terhadap alam sekitar di Malaysia?
- A Kebanjiran migran asing
  - B Perubahan landskap bandar
  - C Peningkatan kadar jenayah
  - D Kesesakan lalu lintas
- 23 Bagaimanakah masalah setinggan di bandar-bandar besar dapat dikurangkan?
- A Pembinaan rumah kos rendah
  - B Guna tanah secara maksimum
  - C Menambahkan peluang pekerjaan
  - D Meningkatkan kemudahan kesihatan

24 Jadual 1 menunjukkan suhu bulanan di stesen P.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu (°C)	26	27	28	29	30	31	29	28	27	27	27	27

Jadual 1

Berapakah min suhu tahunan di stesen P?

- A 26°C
- B 27°C
- C 28°C
- D 31°C

25 Maklumat berikut berkaitan kesan fenomena cuaca dan iklim.

- Kejadian ribut akibat perbezaan tekanan udara
- Pertanian terjejas kerana kekurangan sumber air

Apakah fenomena cuaca dan iklim tersebut?

- A Pulau haba
- B Hujan asid
- C Kemarau
- D Banjir

26 Kombinasi manakah yang benar tentang ciri iklim Khatulistiwa dan iklim Mediterranean?

	<b>Khatulistiwa</b>	<b>Mediterranean</b>
A	Suhu sekata sepanjang tahun	Suhu musim sejuk sekitar 5°C
B	Julat suhu tahunan 2°C	Julat suhu tahunan 15°C
C	Hujan tahunan 1500mm	Hujan tahunan 878mm
D	Litupan awan kurang	Litupan awan tebal

27 Apakah jenis angin yang mempengaruhi iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat?

- A Angin Baratan
- B Angin Timuran
- C Angin Monsun Tenggara
- D Angin Monsun Barat Daya

28 Maklumat berikut berkaitan dengan kesan fenomena cuaca dan iklim.

<b>Punca</b>	<b>Kesan</b>
Pembakaran terbuka	Jarak penglihatan terhad
Pelepasan asap kilang	Penyakit mata, kulit dan lelah


Apakah fenomena cuaca dan iklim tersebut?

- A Jerebu
- B Hujan asid
- C Pulau haba
- D Kesan rumah hijau

29 Maklumat berikut berkaitan fenomena cuaca dan iklim di Malaysia.

• pH air hujan kurang 5.6

Kawasan berlorek yang bertanda manakah dalam Peta 2 dikaitkan dengan fenomena tersebut?



MALAYSIA

Peta 2

- A I
- B II
- C III
- D IV

30 Apakah alat yang digunakan untuk pencerapan hujan di Malaysia?

- I Mawar angin
  - II Tolok hujan
  - III Tipping bucket
  - IV Higrometer
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

31 Jadual 2 menunjukkan suhu bulanan bagi istesen Y.

Bulan	J	F	M	A	M	J	D	J	O	S	O	N	D
Suhu °C	27	28	29	29	29	28	29	28	28	28	28	28	29

Jadual 2

Berapakah julat suhu tahunan di stesen Y?

- A 1°C
- B 2°C
- C 27°C
- D 29°C




32. Kombinasi manakah yang benar tentang aktiviti manusia dan kesannya terhadap cuaca dan iklim?

	Aktiviti Manusia	Kesan Terhadap Cuaca dan Iklim
I	Pembakaran terbuka	Jerebu
II	Pembakaran hutan	Pulau Haba
III	Pembinaan bangunan konkrit	Hujan Asid
IV	Pelepasan kloroflorokarbon	Kesan rumah hijau

- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

33. Rajah 4 menunjukkan Mawar Angin Mudah bagi bulan Ogos.



Rajah 4

Berapakah bilangan hari tenang yang ditunjukkan dalam Mawar Angin tersebut?

- A 2 hari  
 B 3 hari  
 C 4 hari  
 D 5 hari
34. Apakah kegunaan anemometer?  
 A Mengukur suhu  
 B Menyukat jumlah hujan  
 C Mengukur halaju angin  
 D Menunjuk arah tiupan angin


35 Maklumat berikut adalah berkaitan ciri-ciri iklim di Malaysia.

- Panas dan lembap sepanjang tahun
- Hujan turun sepanjang tahun
- Julat suhu tahunan kecil

Mengapakah Malaysia mengalami ciri-ciri iklim tersebut?

- A Pergerakan bumi dalam sistem suria
- B Bentuk muka bumi yang pelbagai
- C Kecondongan paksi bumi
- D Kedudukan berhampiran garisan lintang  $0^\circ$

36 Peta 3 menunjukkan dua lokasi di dunia.



Peta 3

Mengapakah kawasan berlorek dalam peta 3 mempunyai ciri-ciri iklim yang sama?

- A Pengaruh tiupan angin monsun
- B Pengaruh kejadian empat musim
- C Kedudukan pada garisan khatulistiwa
- D Bentuk muka bumi yang pelbagai

37 Bagaimanakah kegiatan manusia mempengaruhi perubahan cuaca dan iklim di bandar?

- I Suhu lebih tinggi daripada di kawasan sekitarnya
  - II Kandungan habuk dalam udara tinggi
  - III Kandungan asid dalam hujan rendah
  - IV Kelajuan angin bertambah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

38 Apakah kesan peningkatan kandungan gas-gas rumah hijau di atmosfera?

- I Pencairan ais di kutub
  - II Peningkatan suhu setempat
  - III Pencemaran udara
  - IV Perluasan kawasan gurun
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

39 Mengapakah kejadian empat musim berlaku di kawasan iklim sederhana pantai barat?

- A Putaran bumi di atas paksinya
- B Bumi berputar dari barat ke timur
- C Sebahagian permukaan bumi menghadap matahari
- D Bumi mengelilingi matahari dengan kecondongan paksi bumi  $66\frac{1}{2}^\circ$

40 Jadual 3 menunjukkan jangkaan perubahan suhu dunia.

Tahun	Perubahan Suhu Dunia
2010	0.4°C
2030	2°C
2060	4°C

Jadual 3

Apakah kesan terhadap alam sekitar akibat perubahan suhu dunia tersebut?

- A Hujan asid
- B Pencemaran udara
- C Aras laut meningkat
- D Halaju angin berkurangan

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## Jawapan kertas 1

- |     |   |                        |
|-----|---|------------------------|
| 1.  | D | 21. A                  |
| 2.  | B | 22. B                  |
| 3.  | A | 23. A                  |
| 4.  | D | <del>24. D</del> 24. C |
| 5.  | A | 25. C                  |
| 6.  | B | 26. A                  |
| 7.  | C | 27. A                  |
| 8.  | D | 28. A                  |
| 9.  | D | 29. B                  |
| 10. | C | 30. C                  |
| 11. | D | 31. B                  |
| 12. | C | 32. B                  |
| 13. | D | 33. B                  |
| 14. | C | 34. C                  |
| 15. | D | 35. D                  |
| 16. | A | 36. C                  |
| 17. | D | 37. A                  |
| 18. | B | 38. B                  |
| 19. | A | 39. D                  |
| 20. | D | 40. C                  |